

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 2, Halaman 42-55

Metode dan *Tawjīh Al-Qirā'āt* Imam Ibn Khālawayh dalam Kitab Al-Ḥujjah

[*Methods and Tawjīh Al-Qirā'āt by Imam Ibn Khālawayh in His Book Named Al-Ḥujjah*]

Muhammad Hakim Abdul Malek¹ & Muhammad Fairuz A. Adi².

^{1, 2} Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Selangor, Malaysia. E-Mail: 20MT08002@kuis.edu.my, fairuz@kuis.edu.my.

* Penulis Penghubung: Muhammad Hakim Abdul Malek, Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Selangor, Malaysia. E-mail: 20MT08002, No. Tell (+60)19-779 4959

ABSTRACT

The knowledge of Tawjīh Al-Qirā'āt is a branch of the discipline of qiraat from the perspective of Al-Dirayah. It is an intermediary to understand the interpretation from mufassirin in interpreting the verses of the Quran. However, the knowledge of qiraat from the perspective of Al-Dirāyah, including the knowledge of Tawjīh Al-Qirā'āt has not yet developed widely in Malaysia compared to the knowledge of qiraat from the perspective of Al-Riwāyah. This deficiency will make it difficult for students to understand the interpretation of the verses of the Quran. There are many books written in this discipline. An example of a book written in this discipline is Al-Ḥujjah fī Al-Qirā'āt Al-Sab' which was written by a famous islamic scholar, Imam Ibn Khālawayh. This qualitative study that aims to study the methods applied by him in his book Al-Ḥujjah as well as study on contemporary and traditional scholars' view on him and Al-Ḥujjah. In general, this book has its own method in presenting tawjīh which is different from other books of tawjih al-qira'at. The results of the study analysis found that there are six main methods in writing the book that is only choosing famous qiraat only, mention qiraat without attributing it to a specific reciter (qari), simple and short statements of arguments (hujah), avoid repetition of the same arguments, not stating the interpretation of verses except for a few verses only and the arrangement of arguments based on the order (tartib) in Al-Quran. Tawjīh Al-Qirā'āt in the book can be divided into five points of view namely Tawjih Al-Qira'at from the point of view of nahwu, sorof, lughah (dalalah), balaghah and rasm. . In conclusion, the study found that the method used by him in the book is very suitable for students to learn in this day and age even though it has been over a century old. Some contemporary researchers praise his book and recognize that it is still relevant to study today.

Keywords

Tawjīh Al-Qirā'āt; Al-Ḥujjah fī Al-Qirā'āt Al-Sab'; Imam Ibn Khālawayh; method



ABSTRAK

Ilmu Tawjīh Al-Qirā'āt merupakan satu cabang daripada disiplin ilmu qiraat dari sudut Al-Dirāyah. Ia merupakan satu perantaraan untuk memahami penafsiran para mufasssirin dalam mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran. Namun, ilmu qiraat dari sudut Al-Dirāyah, termasuk ilmu Tawjīh Al-Qirā'āt masih belum berkembang dengan meluas di Malaysia berbanding ilmu qiraat dari sudut Al-Riwāyah. Kekurangan ini akan menyukarkan para mahasiswa untuk memahami pentafsiran ayat Al-Quran. Terdapat banyak kitab yang dikarang dalam disiplin ilmu ini. Satu contoh kitab yang dikarang dalam disiplin ilmu ini ialah *Al-Hujjah fī Al-Qirā'āt Al-Sab'* yang dikarang oleh seorang tokoh ilmuwan terkenal, Imam Ibn Khālawayh. Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif. Objektif kajian ini adalah mengkaji metode yang diaplikasikan oleh Imam Ibn Khālawayh dalam kitab *Al-Hujjah* dan menganalisa beberapa bentuk Tawjīh Al-Qirā'āt dalam kitab tersebut. Secara umumnya, kitab ini mempunyai metode yang tersendiri dalam mempersembahkan tawjīh yang berbeza dengan kitab-kitab tawjīh al-qirā'āt yang lain. Hasil analisis kajian mendapati bahawa terdapat enam metode utama dalam penulisan kitab tersebut iaitu memilih qiraat yang masyhur sahaja, menyebut qiraat tanpa menisbahkan kepada qari tertentu, pernyataan hujah yang ringkas dan pendek, meninggalkan pengulangan hujah yang sama, tidak membahaskan tafsir bagi ayat kecuali sedikit sahaja dan penyusunan hujah berdasarkan tertib dalam Al-Quran. Tawjīh Al-Qirā'āt dalam kitab tersebut pula dapat dibahagikan kepada lima bentuk iaitu Tawjih Al-Qira'at dari sudut nahwu, sorof, lughah (dalalah), balaghah dan rasm. Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa metode yang digunakan oleh beliau dalam kitab tersebut sangat sesuai untuk dipelajari oleh para pelajar pada zaman kini walaupun usianya telah menjangkau lebih satu abad. Beberapa pengkaji kontemporari memuji kitab beliau dan mengiktirafnya masih lagi relevan untuk dipelajari pada masa kini.

Keywords

Ilmu Tawjīh Al-Qirā'āt; Al-Hujjah fī Al-Qirā'āt Al-Sab'; Imam Ibn Khālawayh; metode

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan wahyu Allah SWT diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai petunjuk kepada umat. Qiraat pula merupakan variasi bacaan Al-Quran. Amani (2017) telah menyatakan bahawa qiraat mutawatir merupakan qiraat yang menepati tiga syarat; bersambung sanad, bertepatan dengan kaedah Bahasa Arab dan bertepatan dengan satu daripada *Maṣāḥif 'Uthmāniyyah* walaupun secara *iḥtimāl*. Beliau merumuskan bahawa qiraat tujuh merupakan mutawatir secara sepakat manakala tiga (Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf) juga merupakan qiraat yang mutawatir menurut pendapat yang paling tepat, bahkan ia merupakan pendapat yang terpilih. Perbahasan ini dibahaskan dalam disiplin ilmu qiraat dari sudut *Al-Riwāyah*.

Unsur *al-Dirāyah* dalam pengajian ilmu qiraat pula bermatlamat menerangkan segala pengertian dan tafsiran yang terhasil sebagai implikasi daripada perbezaan-perbezaan qiraat. Ia meliputi empat perkara iaitu perbezaan dari sudut Nahu / Sintaksis (*al-Nahwiyyah*), perbezaan dari sudut Saraf / Morfologi (*al-Sarfīyyah*), perbezaan dari sudut suara / Fonologi (*al-Sawtiyyah*), perbezaan dari sudut makna (*al-Dalāliyyah*) (Ikmal Zaidi, 2015). Maka sebarang ilmu berkaitan qiraat yang memperincikan mana-mana perkara di atas dikategorikan sebagai berkonsepkan *al-Dirāyah* seperti ilmu *Tawjīh al-Qirā'āt*, *I'rāb al-Qur'ān wa Sarfuh*, *Al-Lahajāt al-Qur'āniyyah wa al-Aṣwāt* dan *Al-I'jāz al-Balāghī fī al-Qur'ān* (Ikmal Zaidi, 2015).

2.0 ILMU TAWJĪH AL-QIRĀ'ĀT

Ilmu Tawjīh Al-Qirā'āt pula merupakan satu ilmu yang mengkaji hujah bagi variasi qiraat. *Al-Tawjīh* di sisi para qurra' ialah (suatu ilmu) yang bertujuan dengannya untuk menerangkan variasi qiraat dan menjelaskannya, berpandukan satu daripada dalil-dalil yang bersifat *ijmālī* (umum) untuk Bahasa Arab, daripada dalil naqli, *ijmā'*, *qiyās*, *istiṣḥāb* dan sebagainya (Al-Mas'ūl, 2008). Terdapat banyak nama yang digunakan yang mengisyaratkan



kepada disiplin ilmu ini. Antaranya ialah *Al-Hujjah*, *Al-Ihtijaj*, *Al-Ta'li*, *Al-Intisār*, *Al-Īdāh*, *Al-Mūḍah* dan sebagainya (Al-Mas'ūl, 2008).

Individu pertama yang menulis perbincangan mengenainya iaitu Abū Bakr Muḥammad bin al-Sirrī yang wafat pada tahun 316 H dan beliau hidup sezaman dengan Imam Ibn Mujahid tetapi beliau tidak sempat untuk menghabiskan kitabnya tersebut. Beliau hanya sempat membicarakan surah Al-Fatihah sehingga surah Al-Baqarah (Al-Faqlī, 2009). Kemudian, para ulama telah berlumba-lumba mengarang kitab dalam ilmu ini. Imam Muhammad bin Al-Hasan Al-Ansari (w 351 H) telah mengarang *Kitāb Al-Sab'ah bi 'Ilalihā Al-Kabīr*. Imam Abu Bakr Muḥammad bin Al-Hasan bin Muqsim bin Al-'Aṭṭār telah mengarang kitab *Ihtijāj Al-Qirā'āt*, *Kitāb Al-Sab'ah bi 'Ilalihā Al-Kabīr*, *Kitāb Al-Sab'ah Al-Awsaṭ*, *Kitāb Al-Awsaṭ* dan *Kitāb Al-Asghar*.

Terdapat perbezaan antara ilmu Tawjīh al-Qirā'āt dan qiraat seperti yang diterangkan oleh para ulama. Menurut Ḥasan Sālim Habsyān (2015), ilmu *tawjīh* ini merupakan satu pecahan daripada pecahan-pecahan ilmu tafsir dan *takhrīj* qiraat untuk mendekatkan makna-makna lafaznya. Ilmu qiraat pula merupakan ilmu yang menerangkan kaifiat sebutan perkataan-perkataan Al-Quran serta variasi qiraat yang dinisbahkan kepada qari-qari tertentu (Ibn Al-Jazari, 2007). Secara umumnya, Tawjīh al-Qirā'āt merupakan qiraat dari segi *al-Dirāyah* manakala ilmu qiraat pula ialah dari segi *al-Riwāyah*.

Para ulama telah berusaha menulis, mengkaji dan mengarang kitab-kitab yang membicarakan ilmu Tawjīh al-Qirā'āt secara berasingan daripada ilmu yang lain. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang menjadi dorongan penulisan mereka. Menurut 'Abd Al-Aziz bin 'Ali bin 'Ali Al-Ḥarbī (1997) antara faktor tersebut adalah:

- Mempertahankan bacaan qiraat dengan menyingkap variasi-variasi bacaannya, menerangkan kesahihan dan ketulenannya serta menolak pandangan yang cuba meragukan kredibilitinya.
- Menerangkan tiga rukun yang diletakkan oleh para ulama untuk menentukan keabsahan sesebuah qiraat daripada Nabi Muhammad SAW.
- Menerangkan makna bagi sesebuah ayat yang dibaca lebih daripada satu bacaan dengan tafsirannya.
- Menjadi adat dalam mengarang sesebuah kitab dari generasi terkemudian untuk melakukan penambahbaikan bagi bagi kitab generasi terdahulu dari segi penerangan, penjelasan, ringkasan, tambahan dan nota tambahan.
- Kaitan yang kuat antara qiraat dan Bahasa Arab terutamanya ilmu nahwu menjadikan para ulama menguatkan hujah bacaan qiraat tertentu.

Kesimpulannya, ilmu Tawjīh al-Qirā'āt merupakan satu cabang daripada ilmu qiraat dari sudut *Al-Dirāyah* yang mengkaji hujah-hujah bagi kepelbagaian variasi qiraat bertepatan dengan kaedah-kaedah dalam Bahasa Arab. Ia boleh diibaratkan sebagai jambatan untuk menerokai ilmu tafsir Al-Quran. Ilmu tafsir tidak dapat difahami dengan baik tanpa penguasaan yang baik dalam ilmu qiraat sama ada dari sudut *Al-Riwāyah* dan *Al-Dirāyah*. Hal ini telah diisyaratkan oleh Al-Suyūṭī (2017) dalam kitabnya *Al-Itqān fī 'Ulūm Al-Qur'ān* berkenaan 15 disiplin ilmu untuk menjadi seorang *mufassir* iaitu ilmu *lughah*, nahwu, sorof, *ishtiqaq*, *ma'āni*, *bayān*, *badī'*, *qirā'āt*, usuluddin, usul fiqh, asbab nuzul, nasakh dan mansukh, ilmu fiqh, ilmu hadis dan ilmu muhibah. Ilmu qiraat merupakan satu daripada ilmu yang diperlukan oleh seseorang *mufassir*. Maka, jelaslah ia merupakan jambatan bagi ilmu tafsir Al-Quran.

3.0 LATAR BELAKANG IMAM IBN KHĀLAWAYH

a) Nama dan Sejarah Ibn Khālawayh

Nama sebenar Imam Ibn Khālawayh ialah Al-Ḥusain bin Aḥmad bin Ḥamdān Al-Hamadhānī Al-Naḥwī al-Lughawīyah Abū 'Abdillāh. Perkataan Khālawayh (خالوية) dengan huruf *khā*, *lām* dan *wāw* yang berbaris *fathah*, huruf *ya*' yang berbaris sukun dan *hā*' merupakan perkataan '*Ajam* (selain Arab). Al-Hamadhānī (الهمداني) merupakan nisbah kepada Hamdhan iaitu bandar di Iran. Gelaran ini kerana beliau berasal dari bandar tersebut (Al-'Āmili, 1983). Nama gelaran *kunya* yang diberikan kepada beliau ialah *Dhū al-Nūmain* (Al-Bāḥithah, 2019). Beliau



digelar *Dhū al-Nūnain* kerana beliau menulis dengan di penghujung kitabnya ‘الحسين بن خالويه’ dan beliau memanjangkan dua tulisan dua *nūn* tersebut (Al-‘Asqalāni, 2002).

Beliau telah memasuki ke kota Baghdad untuk mempelajari ilmu agama pada tahun 314H. Maka, beliau telah berjumpa dengan ulama besar dan menimba ilmu daripada mereka. Beliau telah mempelajari Al-Quran dengan Imam Ibn Mujahid, mempelajari ilmu sastera Arab daripada Ibn Duraid, Al-Anbārī dan Naftawaih., mempelajari Bahasa Arab daripada Abu ‘Umar Al-Zāhid. Beliau juga telah mendengar hadis daripada Muhammad bin Makhlad Al-‘Attār (Al-Rūmī, 1993).

Kemudian, beliau telah berhijrah ke Syam dan seterusnya ke Ḥalab (Aleppo). Akhirnya, beliau telah menetap di Ḥalab dan mengajarkan ilmu kepada para pelajarinya di sana (Al-Rūmī, 1993). Beliau telah menjalinkan hubungan yang baik dengan Saif Al-Daulah dan anak-anaknya. Di Ḥalab, ilmunya tersebar luas namun beliau mempunyai banyak perbezaan pendapat dengan Al-Mutanabbi (Al-Dāwūdi, t.t.).

b) Tarikh Kelahiran dan Kewafatan

Para sejarawan tidak menjumpai secara tepat tahun kelahiran Imam Ibn Khālawayh (Al-Idkāwī, 1988). Manakala, tahun kewafatan beliau telah disepakati iaitu pada tahun 370 H di Kota Ḥalab (Ibn Al-Jazari, 2006).

c) Guru-guru dan Murid-murid Beliau

Ibn Khālawayh telah berguru dengan ramai ulama besar pada zamannya seperti Ibn Mujāhid, Ibn Duraid, Naftawaih, Ibn Al-Anbārī, Muḥammad bin Makhlad bin Hafṣ, Abu Al-‘Abbas, Abū ‘Umar Al-Zāhid, Abu Sa’id Al-Sīrāfī dan ramai lagi (Al-Idkāwī, 1988). Antara murid-murid beliau ialah Ibn Ghālbūn, Abū Bakr al-Khawārizmī, Al-Mu’āfā bin Zakariyyā Al-Nahrawāni, Sa’id bin Sa’id al-Fāriqī, Al-Salāmī, Abū al-Ḥasan Muḥammad Al-Naṣībī, Abū ‘Ali Al-Husain bin ‘Ali Al-Rahāwī dan Al-Ḥasan bin Sulaimān (Al-Idkāwī, 1988)

d) Mazhab Pegangan Beliau

Imam Ibn Khalawayh merupakan seorang yang berpegang dengan mazhab Syafie. Imam Al-Suyūṭī (1965) telah menyebut ‘إنه كان شافعيًا’ yang bermaksud ‘Dia (Imam Ibn Khālawayh) merupakan seorang yang bermazhab Syafie’. Hal ini dikuatkan lagi dengan kata-kata beliau dalam isu *basmalah* yang dibahasakan dalam kitab *I’rāb Thalāthin Sūrah Min Al-Qur’ān Al-Karīm* iaitu ‘والذي صح عندي فمذهب الشافعي وإليه أذهب’ yang bermaksud ‘Pandangan yang tepat menurut pandangan aku ialah mazhab Syafie dan inilah peganganku’ (Ibn Khālawayh, 1985).

Namun, pandangan ini dikritik oleh Al-‘Āmili (1983) dengan katanya: ‘والصواب أنه كان شيعيًا’ yang bermaksud ‘Maklumat yang tepat adalah beliau sebenarnya merupakan seorang yang bermazhab Syi’ah’. Kritikan ini dikuatkan lagi dengan pandangan Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar Al-‘Asqalāni (2002) dengan katanya ‘وكان يظهر ذلك تقريبا لسيف الدولة صاحب حلب’ yang bermaksud ‘Beliau (Imam Ibn Khālawayh) telah menzahirkannya (mazhab Sunni) untuk mendekati Saif Al-Daulah, pemerintah Aleppo’. Beliau telah menyatakan dalil bagi menguatkan pandangan beliau terhadap mazhab Imam Ibn Khālawayh dengan kata beliau ‘وقد قرأ أبو الحسين النصيبي وهو من الإمامية عليه كتابه في الإمامة’ yang bermaksud ‘Abū Al-Ḥusain Al-Naṣībī, seorang Syiah yang beraliran Imamiyyah telah mempelajari kitab beliau (Ibn Khālawayh) yang membicarakan tentang Imāmah’. Kesimpulannya, beliau telah mengkategorikan Imam Ibn Khālawayh sebagai seorang Syiah dengan menyatakan dalil bahawa beliau telah mengarang kitab berkenaan dengan aliran Imamiyyah dan mendapati individu telah mempelajari kitab tersebut daripadanya.

Namun, kritikan ini dijawab semula oleh pentahqīq kitab Al-Ḥujjah karangan Imam Ibn Khālawayh, Dr. ‘Abd Al-‘Āl Sālim Mukrim (1979) dengan beberapa jawapan iaitu:

- Sekiranya beliau merupakan seorang bermazhab Imamiyyah, sudah pasti berita ini akan tersebar dan musuh-musuh dan pesaing-pesaing beliau akan memburukkannya ketika terzahir kesalahannya.
- Sekiranya Al-Mutanabbi mengesan mazhab beliau adalah Imamiyyah, maka Al-Mutanabbi akan mengkritik beliau dan mengkhabarkan kepada Saif Al-Daulah yang bermazhab Sunni supaya beliau dikeluarkan dari kawasan pemerintahan Sunni.
- Sekiranya beliau merupakan seorang Syiah bermazhab Imamiyyah, maka Imam Abū ‘Ali Al-Fārisi sesekali tidak akan mendiadakan perkara tersebut dalam risalah-risalah kritikan beliau terhadap Ibn Khālawayh untuk mempertahankan dari kritikan dan tohmanah Ibn Khālawayh kepada beliau.
- Sekiranya beliau bermazhab Syiah Imamiyyah, mengapakah beliau melaksanakan ibadah mengikut mazhab Syafie sedangkan Imam Syafie merupakan seorang bermazhab Sunni. Perkara ini telah dinyatakan oleh Imam Al-Subki dalam kitab Ṭabaqāt Al-Syāfi’iyyah.

Dr. Ibrāhīm Muḥammad Aḥmad Al-Idkāwī (1988) pula menyatakan bahawa kitab karangan beliau yang bertajuk *Al-Imāmah* tidak pula menjadikan beliau seorang yang bermazhab Syiah Imamiyyah. Hal ini kerana seorang pencinta ilmu peradaban akan mengkaji berkenaan sejarah dalam perincian sejarah yang pelbagai.

Kesimpulannya, pengkaji lebih cenderung menyatakan bahawa Imam Ibn Khālawayh bermazhab Syafie dan beraliran Sunni. Sekiranya beliau merupakan seorang Syiah yang bermazhab Imamiyyah, sudah pasti beliau tidak diberikan peluang untuk mendekati Saif Al-Daulah yang bermazhab Sunni dan mengajar anak-anaknya. Hakikatnya beliau telah menjadi tenaga pengajar anak-anak beliau dan terus menjalinkan hubungan dengan Sharif dan anak-anak Saif Al-Daulah selepas kemangkatan baginda.

e) Pandangan Ulama terhadap Beliau dan Kitab *Al-Ḥujjah*

Imam Al-Hafiz Ibn ‘Adi daripada ulama’ Hamadhan “Beliau merupakan seorang imam yang tiada tandingan pada zamannya dari semua disiplin ilmu dan sastera. Ramai pelajar-pelajar dari seluruh pelosok dunia bermusafir untuk mempelajari ilmu daripada beliau” (Al-Qifti, 1986; 361)

Imam Al-Dani turut memuji beliau dengan berkata: “Beliau merupakan seorang yang pakar dalam Bahasa Arab, menjaga lughah, sangat mahir dalam qiraat dan dikategorikan sebagai *thiqah* yang masyhur. Ramai individu telah meriwayatkan daripadanya daripada kalangan para ulama antaranya ialah Imam ‘Abd Al-Mun’im bin Ghalbun, Al-Hasan bin Sulaiman dan ramai lagi’ (Al-Rumi, 1993).

Imam Ibn Al-Anbari (1985) pula telah memuji beliau dengan ‘Abu ‘Abdullah (Al-Husain bin Ahmad) bin Khālawayh merupakan sebahagian daripada ulama besar dalam disiplin ilmu Bahasa Arab.’ Tetapi terdapat kritikan daripada Ibn Al-Anbāri terhadap Imam Ibn Khālawayh. Ibn Al-Anbari (1985) telang mengkritik Imam Ibn Khālawayh dengan kata-katanya:

"لم يكن في النحو بذاك"

Maksudnya: “Beliau dalam ilmu nahwu tidaklah terlalu hebat”.

Selain itu, terdapat juga kritikan daripada Imam Ibn Hishām Al-Anṣāri (1964; 401) berkenaan dengan kedudukan beliau dalam ilmu nahwu. Beliau telah mengkritik Imam Ibn Khālawayh dengan katanya:

"ومن النحويين الضعفاء كان حالويه"

Maksudnya: “Dan sebahagian daripada ahli Nahwu yang lemah seperti Ibn Khālawayh”.

Pengkaji moden seperti Sheikh Al-Idkāwī (1988) telah mempertahankan Imam Ibn Khālawayh dengan mengatakan bahawa Imam Ibn Al-Anbāri dan Imam Ibn Hisham telah menzalimi lelaki ini (Imam Ibn Khālawayh).



Beliau mempunyai pandangan yang tersendiri dalam nahwu yang tidak kurang juga pendapat beliau tersendiri dalam ilmu *lughah*. Selain itu, terdapat ulama kontemporari lain juga yang mempertahankan Imam Ibn Khālawayh seperti Mahmud Jasim Muhammad (1986).

Hasilnya, pengkaji berpandangan bahawa Imam Ibn Khālawayh merupakan ulama yang pakar dalam ilmu Bahasa Arab dan qiraat. Ramai di kalangan ulama besar yang memuji Imam Ibn Khālawayh tidak kurang pula ada yang menjadikan beliau sebagai saingan dalam perdebatan dalam bidang ilmu. Kritikan para ulama terhadap beliau tidaklah menjadikan penghinaan kepada beliau bahkan, ia merupakan tradisi para ulama untuk menghidupkan ilmu agama. Seterusnya menjadi petunjuk kepada generasi seterusnya bahawa yang memiliki sifat maksum hanyalah para nabi dan rasul sahaja.

4.0 METODE IMAM IBN KHĀLAWAYH DALAM KITAB AL-ḤUJJAH

Kitab karangan Ibn Khālawayh ini dinamakan *al-Ḥujjah fī al-Qirā'āt al-Sab'* merupakan kitab yang membincangkan mengenai satu disiplin ilmu dalam peradaban Islam. Ilmu tersebut ialah ilmu Tawjīh al-Qirā'āt. Maksud nama kitab tersebut adalah hujah bagi qiraat tujuh. Kitab beliau *Al-Ḥujjah fī Al-Qirā'āt Al-Sab'* pula masih sesuai dipelajari dan dijadikan rujukan sehingga masa kini. Menurut 'Abd al-'Āl (1979), kita (penuntut ilmu) sangat memerlukan kitab ini (*Al-Ḥujjah*) untuk menyandarkan ilmu qiraat dari perspektif Nahw dan Bahasa Arab dari satu sudut kerana kitab ini merupakan kitab yang paling terkehadapan dalam menzahirkan perbincangan qiraat tujuh serta kitab Abū 'Alī al-Fārisī. Menurut 'Aṭṭāsī (2017), kitab *al-Ḥujjah* tersebut sesuai untuk dijadikan *matn* dalam pembelajaran ilmu Tawjīh al-Qirā'āt untuk tahap pembelajaran yang tinggi dalam pengajian al-Quran. Hasilnya, pengkaji mendapati bahawa kitab ini masih sesuai dijadikan rujukan pada masa kini bertepatan dengan pandangan dua pengkaji kontemporari tersebut.

Imam Ibn Khālawayh yang mempunyai metode yang tersendiri dalam mempersembahkan maklumat dan informasi yang menjadikan kitab beliau masih menjadi rujukan sehingga kini. Antara metode yang diaplikasikan oleh beliau dalam kitabnya itu adalah:

a) Memilih qiraat yang masyhur sahaja

Dalam kitab *Al-Ḥujjah* ini, Imam Ibn Khālawayh hanya memilih untuk membahaskan tawjīh al-Qirā'āt bagi qiraat-qiraat yang masyhur sahaja dan meninggalkan perbincangan bagi qiraat yang mempunyai status *shādh*. Metode ini secara jelas disebut oleh beliau sendiri dalam *muqaddimah* kitabnya:

معتمد فيه على ذكر القراءة المشهورة، ومنكب عن الرواية الشاذة المنكورة

Maksudnya: “(Dalam penulisan kitab ini, aku hanya) memilih untuk menyebutkan qiraat yang masyhur sahaja, dan meninggalkan dari menyebutkan qiraat yang *shādh* lagi *munkar*.”

b) Menyebut qiraat tanpa menisbarkannya kepada qari tertentu

Beliau telah memilih untuk tidak menisbahkan qiraat kepada qari tertentu dalam kitab ini. Beliau hanya menyatakan terdapat khilaf antara para qurra' dalam ayat tertentu kemudian menyenaraikan hujah-hujah bagi variasi qiraat tersebut. Antara contoh pernyataan khilaf qiraat dalam ayat tertentu yang diaplikasikan oleh beliau adalah seperti berikut:

i) Contoh Pertama:

"قوله تعالى: ((مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ)) يقرأ بإثبات الألف وطرحها..."



Maksudnya: “Firman Allah SWT ((مالك يوم الدين)) dibaca dengan *ithbāt alif* dan *hadhafnya*”

ii) Contoh Kedua:

"قوله تعالى: ((فِيهِ هُدًى)) يقرأ بالإدغام والإظهار..."

Maksudnya: “Firman Allah SWT ((فيه هدى)) dibaca dengan *idghām* dan *izhār*”

iii) Contoh Ketiga:

"قوله تعالى: ((وَحَسِبُوا أَلَّا تَكُونَ)) يقرأ بالرفع والنصب..."

Maksudnya: “Firman Allah SWT ((وحسبوا ألا تكون)) dibaca dengan *marfū’* dan *manṣūb*”

Namun, pada sebahagian tempat yang lain beliau ada juga menisbahkan qiraat kepada qari tertentu. Tetapi ianya tidak banyak, hanya sebahagian kecil sahaja. Contohnya adalah pada firman Allah SWT; ((وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا)) (Al-Baqarah, 116). Beliau telah menisbahkan qiraat dengan lafaznya:

"قرأه ابن عامر بغير واو... وقرأه الباقر بواو"

Maksudnya: “Imam Ibn ‘Amir membacanya tanpa *wāw*... manakala para qurra’ yang lain membacanya dengan huruf *wāw*”

c) Penyataan hujah yang ringkas dan pendek

Beliau telah menyatakan hujah bagi qiraat-qiraat dengan ringkas dan pendek sahaja tetapi mempunyai makna yang padat sehingga boleh difahami oleh para pembaca dengan mudah. Beliau dengan jelas telah menyebutkan metode ini dalam muqaddimah kitabnya:

"وقاصدا قصد الإبانة في اقتصار من غير إطالة ولا إكثار..."

Maksudnya: “(Aku mengarang kitab ini) dengan niat untuk memberikan penerangan tanpa memanjangkan mahupun memperbanyakkan perbahasan.”

Hal ini terbukti dengan hujah beliau terhadap majoriti ayat-ayat dalam Al-Quran yang ditulis dengan pendek sahaja tanpa menyatakannya dengan panjang dan banyak. Beliau sekadar mendatangkan hujah-hujah tanpa mendatangkan syair yang banyak sebagai *shawāhid*, sedikit sahaja *i’tirād* dengan gaya bahasa yang ringkas serta padat. Contohnya adalah pada firman Allah SWT; ((وقالوا اتخذ الله ولدا)) (Al-Baqarah, 116). Hujah beliau adalah:

i) Qiraat Ibn ‘Amir yang membaca tanpa huruf *wāw*:

أنه استأنف القول مخبرا به ولم يعطفه على ما قبله

Maksudnya: “Beliau memulakan ayat baharu dalam keadaan mengkhabarkan mengenainya tanpa meng’atafkan dengan ayat sebelumnya”

ii) Qiraat para qurra’ lain yang membaca dengan huruf *wāw*:



أَحم عطفوا الجملة على الجملة، وأتوا بالكلام متصلا بعضه ببعض

Maksudnya: “Mereka meng’atapkan ayat ke atas ayat yang lain, serta mendatangkan firman Allah SWT secara berkesinambungan antara satu sama lain”

d) Meninggalkan pengulangan hujah yang sama

Antara metode lain yang diaplikasikan oleh Imam Ibn Khālawayh dalam kitabnya *Al-Hujjah* adalah meninggalkan perbahasan hujah yang berulang dan hanya memberikan isyarat kepada perbahasannya dalam hujah yang telah dikemukakan dalam surah-surah sebelumnya. Beliau banyak mengaplikasikan kaedah ini dalam kitab tersebut. Antara contohnya adalah kata-kata beliau dalam menerangkan hujah bagi ayat:

"قوله تعالى: ((خَيْرًا يَرُهُ وَشَرًّا يَرُهُ)) بإشباع الضمة واختلاسها. وقد ذكر في آل عمران."

Maksudnya: “Firman Allah SWT ((خيرا يره وشرا يره)) dibaca dengan *ḍammah* yang panjang dan *ikhtilās*. Perbahasannya telah dijelaskan dalam surah Ali ‘Imran.”

Menurut *pentahqīq* kitab *Al-Hujjah*, Dr. ‘Abd Al-‘Al (1979), beliau berpendapat bahawa isyarat perbahasan tersebut merujuk kepada perbahasan yang terdapat dalam Firman Allah SWT ((يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ)) iaitu ayat daripada Surah Ali ‘Imran; 75. Huruf *hā’* dalam ayat tersebut dibaca dengan dua *wajh* iaitu *ishbā’* (panjang) dan *ikhtilās*. Namun, hujah ini tidak disebutkan dengan terperinci dalam hujah pada firman Allah SWT ((خَيْرًا يَرُهُ (وَشَرًّا يَرُهُ)).

e) Tidak membahaskan tafsir bagi ayat kecuali sedikit sahaja

Imam Ibn Khālawayh pada kebanyakan hujahnya dalam kitab *Al-Hujjah* tidak mendatangkan pentafsiran bagi ayat-ayat dalam Al-Quran kecuali sangat sedikit sekali dan berhajat mendatangkannya untuk menerangkan makna agar lebih jelas lagi. Hal ini kerana bidang perbahasan *tawjīh Al-Qirā’āt* lebih khusus daripada perbahasan disiplin ilmu tafsir. Ilmu *tawjīh Al-Qirā’āt* lebih khusus daripada ilmu tafsir. Kalimah tafsir pada istilah ialah ilmu yang seseorang dapat memahaminya dengannya kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, menerangkan makna perkataannya dan mengeluarkan hukum dan hikmah daripadanya (Al-Zarkashi, 2006). Manakala, ilmu *Al-Tawjīh* di sisi para *qurra’* ialah (suatu ilmu) yang bertujuan dengannya untuk menerangkan variasi qiraat dan menjelaskannya, berpandukan satu daripada dalil-dalil yang bersifat *ijmālī* (umum) untuk Bahasa Arab, daripada dalil *naqli*, *ijmak*, *qiyas*, *istiṣhāb* dan sebagainya (Al-Mas’ul, 2008). Maka, jelaslah ilmu *tawjīh* ini hanya menfokuskan penerangan terhadap variasi qiraat sahaja berbeza dengan tafsir yang menerangkan setiap kalimah Al-Quran.

Antara contoh tafsir yang dibahaskan oleh beliau ialah pada firman Allah SWT: ((جعلاً له شركاء)) dalam Surah Al-A’raf: 90:

"معنى الآية: أن إبليس لعنه الله أتى حواء وهي عند أول حمل حملت فقال لها: ما هذا الذي في بطنك أبعيمة أم حية؟ قالت لا أدري، قال لها: إن دعوت الله تعالى أن يجعله بشرا سويا تسمينه"



باسمي؟ قالت نعم. فلما أتاها الله ولدا صالحا، جعلها له شركاء فيه فسميها عبد الحرث باسم
إبليس لعنه الله"

Maksudnya: “Makna ayat ini adalah: Sesungguhnya Iblis (yang dilaknat Allah) telah datang kepada Hawa ketika awal dia sedang mengandung. Maka Iblis pun berkata kepadanya: ‘Apakah yang berada dalam rahimmu itu? Adakah ia binatang ternakan atau ular?’. Maka Hawa pun membalas: ‘Aku tidak tahu’. Kemudian Iblis pun berkata; ‘Sekiranya aku mendoakan supaya menjadi manusia yang sempurna, adakah kamu akan menamakannya dengan namaku?’. Maka Hawa pun berkata: Ya.

Apabila Allah mengurniakan kepada mereka (Adam dan Hawa) anak yang soleh, maka mereka menjadikan sekutu bagi Allah terhadap anak yang telah dianugerahkan-Nya itu. Maka, mereka telah menamakannya ‘Abd Al-Harth sempena dengan nama Iblis yang dilaknat Allah”

Kisah ini turut dinukilkan dalam *Al-Hāwi fī Tafsīr Al-Qur’ān Al-Karīm* oleh Sheikh ‘Abd Al-Rahman bin Muhammad Al-Qimash (2009). Namun, terdapat ulama tafsir kontemporari telah menolak kisah ini. Al-Zuhayli (2003) ada menerangkan bahawa sebahagian daripada para ahli tafsir seperti Imam Al-Suyūṭi yang menyatakan maksud daripada ayat adalah Adam dan Hawa adalah berpandukan hadis yang berstatus lemah dalam *Sunan Al-Tirmidhi* dan selainnya. Beliau turut menyatakan bahawa kisah ini disokong oleh riwayat-riwayat kisah banyak *Israiliyyat* tetapi tiada sandaran kukuh.

Menurut hemat pengkaji pula, kisah ini perlu diteliti semula kerana kisah ini mempunyai riwayat hadis yang lemah dan disokong pula dengan *Israiliyyat*. Tambahan pula, kisah ini menyatakan perkara yang tidak layak bagi para nabi iaitu syirik kepada Allah. Sedangkan, Kiai Muhammad Ihyā’ ‘Ulumuddin (2004) dalam *Jalā’ al-Afhām Sharḥ ‘Aqīdah al-‘Awwām* telah menyatakan bahawa wajib kita berpegang bahawa para nabi dan rasul itu maksum seperti para malaikat, mereka terpelihara daripada terjatuh dalam lembah maksiat.

Hasilnya, Imam Ibn Khālawayh dalam penafsiran ayat Al-Quran juga ada mendatangkan riwayat lemah yang disokong oleh *Israiliyyat* hanya untuk menjelaskan makna ayat. Rentetan daripada itu, sekiranya pembaca ingin berpegang dengan tafsir yang lebih tepat, hendaklah dia merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang lain.

f) Penyusunan hujah berdasarkan tertib dalam Al-Quran

Imam Ibn Khālawayh dalam kitabnya *Al-Hujjah* ini telah menyusun hujah-hujah bagi variasi qiraat dengan menggunakan tertib yang terdapat dalam Al-Quran. Susunannya bermula daripada surah Al-Fatihah dan berakhir dengan surah Al-Nas. Menurut hemat pengkaji, susunan ini akan memudahkan para pembaca dan pengkaji untuk mendapatkan hujah beliau dalam ayat-ayat yang tertentu.

5.0 APLIKASI TAWJĪH AL-QIRĀ’ĀT DALAM AL-ḤUJJAH

Terdapat beberapa aplikasi tawjīh Al-Qirā’āt yang telah diaplikasikan oleh Imam Ibn Khālawayh dalam kitab Al-Ḥujjah. Beliau banyak mengaplikasikan tawjīh Al-Qirā’āt dengan aplikasi yang berbeza mengikut kesesuaian hujah bagi setiap variasi qiraat. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aplikasi tawjīh Al-Qirā’āt dapat disimpulkan dalam lima bahagian iaitu: tawjīh Al-Qirā’āt dari sudut *Naḥwu*, *Ṣorof*, *Lughah (al-Dalālah)*, *Balāghah* dan *Rasm*. Kajian yang ringkas ini akan memuatkan beberapa contoh sahaja daripada aplikasi tersebut.

a) Tawjīh Al-Qirā’āt Dari Sudut *Naḥwu*

Dalam kitab ini, Imam Ibn Khālawayh banyak mengaplikasikan kaedah-kaedah dalam *Naḥwu*. Antara contoh tersebut adalah tawjih perkataan ((ولا تسأل)) dalam surah Al-Baqarah: 119. Para qurra' kecuali Imam Nafi' telah membaca perkataan ((وَلَا تُسْأَلُ)) dengan *ḍammah tā'* dan *lām marfū'*. Imam Nafi' pula membacanya dengan *fatḥah tā'* dan *lām mazjūm* ((وَلَا تُسْأَلُ)) (Lāshīn & Khālid, 2003).

Hujah bagi Imam Ibn Khālawayh dalam perkataan ini dalam seperti berikut:

i) Hujah ((وَلَا تُسْأَلُ))

Imam Ibn Khalawayh telah berkata:

"فالحجة لمن رفع: أنه أخبر بذلك، وجعل لا نافية بمعنى ليس"

Maksudnya: "Hujah bagi qari yang membaca dengan *marfū'* (*lām*), dia mengkhabarkan mengenai perkara tersebut (*jumlah khabariyyah*). Dia menjadikan ((لا نافية)) dengan makna ((ليس))."

ii) Hujah ((وَلَا تُسْأَلُ))

Imam Ibn Khālawayh telah berkata:

"والحجة لمن جزم: أنه جعله نهيًا"

Maksudnya: "Hujah bagi qari yang membaca dengan *mazjūm* (*lām*), dia menjadikan ((لا)) tersebut dengan makna ((نهي))."

Daripada contoh yang diterangkan di atas, jelaslah aplikasi kaedah ilmu *naḥwu* dalam kitab *Al-Hujjah*. ((لا)) yang ditunjukkan dalam hujah ayat tersebut sebagai ((لا نافية)) dan ((لا ناهية)) merupakan sebahagian daripada perbincangan ilmu *naḥwu*. Menurut Marjān (2000), ((لا نافية)) tidak ber'*amal* manakala ((لا ناهية)) menjadikan perkataan selepasnya *mazjūm*.

b) Tawjih Al-Qirā'āt Dari Sudut Ṣorof

Beliau turut menggunakan kaedah *ṣorof* dalam menerangkan sebahagian daripada perkataan yang mengandungi variasi qiraat. Antaranya adalah pada perbincangan hujah bagi qiraat dalam firman Allah SWT ((تظاهرون)) dalam Surah Al-Baqarah: 85. Terdapat dua qiraat dalam ayat ini iaitu; ((تظاهرون)) yang dibaca dengan *tashdīd* dan ((تظاهرون)) dibaca dengan *takhfīf*. Para qurra' dari kalangan Kūfiyyūn membaca dengan *takhfīf* huruf *zā'* pada ((تَظَاهِرُونَ عَلَيْهِمْ بِالْإِثْمِ وَالْعُدُوتِ)) di surah ini (Al-Baqarah) dan *takhfīf* huruf *zā'* juga pada ((تَظَاهِرًا عَلَيْهِ)) dalam surah Al-Tahrim. Manakala para qurra' yang lain membacanya dengan *tashdīd* pada kedua-dua perkataan tersebut (Lāshīn & Khālid, 2003).

Hujah bagi Imam Ibn Khālawayh dalam perkataan ini dalam seperti berikut:

i) Hujah ((تَظَاهَرُونَ))

Imam Ibn Khālawayh telah berkata:

"فالحجة لمن شدد: أنه أراد تتظاهرون بتاءين، فأسكن الثانية وأدغمها في الظاء فشدها ذلك"

Maksudnya: "Hujah bagi qari yang membaca dengan *tashdīd* adalah dia bermaksud dari bacaan itu adalah ((تتظاهرون)) dengan dua huruf *tā'*. Maka, dia menjadikan huruf *tā'* kedua *sukūn*. Kemudian, ia dimasukkan (idghām) dalam huruf *zā'* (ظ). Maka jadilah bacaan tersebut *tashdīd*.

ii) Hujah ((تَظَاهَرُونَ))

Imam Ibn Khālawayh telah berkata:

"فالحجة لمن خفف: أنه أراد أيضا: تتظاهرون فأسقط إحدى التاءين تخفيفا وكراهية للإدغام وثقله"

Maksudnya: "Hujah bagi qari yang membaca dengan *takhfīf* adalah: dia bermaksud juga dengan ((تتظاهرون)). Kemudian, digugurkan satu huruf *tā'* untuk meringankan dan (orang Arab) tidak suka bacaan *idghām* dan berat untuk menyebutnya."

Maka, daripada contoh tersebut jelaslah aplikasi tawjīh Al-Qirā'āt dari sudut ṣorof yang diaplikasikan oleh Imam Ibn Khālawayh dalam kitab Al-Ḥujjah.

c) Tawjīh Al-Qirā'āt Dari Sudut Lughah (*Dalālah*)

Imam Ibn Khālawayh turut mengaplikasikan Tawjīh Al-Qirā'āt dari sudut *lughah* (*dalālah*) kerana ia merupakan satu elemen yang penting dalam memahami variasi dalam bacaan qiraat. Antara contoh aplikasi tersebut adalah dalam ayat ((يُعْلَىٰ)) (Ali 'Imran: 161). Perkataan ((يُعْلَىٰ)) dalam ayat tersebut mempunyai khilaf bacaan qiraat dalam kepada dua bacaan qiraat. Imam Nafi', Imam Hamzah, Imam Kisa'i dan Imam Ibn 'Amir membaca perkataan ((يُعْلَىٰ)) dengan *yā' ḍammah* dan *ghain fatḥah* kerana *mabni li al-maf'ūl* manakala para qurra' yang lain membaca ((يُعْلَىٰ)) dengan *fatḥah yā'* dan *ḍammah ghain* kerana *mabni li al-fā'il* (Lāshīn & Khālid, 2003).

Hujah Imam Ibn Khālawayh dalam ayat ini jelas mengisyaratkan perbincangan perkataan dalam Al-Quran yang melibatkan *lughah*. Hujah beliau adalah seperti berikut:

i) Hujah ((يُعْلَىٰ))

Imam Ibn Khālawayh telah berkata:

"فالحجة لمن فتح الياء: أنه جعله من الغلول، ومعناه: أن يخون أخاه بأخذ شيء من الغنيمة خفية"

Maksud: "Hujah bagi qari yang membaca dengan *fatḥah yā'* adalah: dia mengambil perkataan tersebut daripada (الغلول). Maknanya adalah mengkhianati saudaranya dengan mengambil sesuatu daripada harta rampasan perang secara sembunyi."

ii) Hujah ((يُعْلَىٰ))



Imam Ibn Khālawayh telah berkata:

"فالحجة لمن ضم الياء: أنه أراد وجهين: إما من الغلول، ومعناه: أن يخون... وإما من الغل، هو قبض اليد إلى العنق"

Maksudnya: "Hujah bagi qari yang membaca dengan *dammah yā'* adalah: dia mengambil daripada dua *wajh*: sama ada daripada (الغلول) dan maknanya adalah dikhianati... ataupun dia mengambil dari kata (الغل) iaitu menggenggam tangan ke leher."

Berdasarkan contoh di atas, dapat difahami bahawa Imam Ibn Khālawayh telah mengaplikasikan tawjīh Al-Qirā'āt dari sudut *Lughah*. Al-Fairuzabadi (2008) dalam *Al-Qāmūs Muḥīṭ* telah menyatakan (الغلول) dengan definisi berikut:

"غل غلولا: خان كأغلاً، أو خاصٌّ بالفيء"

Maksudnya: "(أغلاً) mengkhianati seperti maksud (غللاً) ataupun ianya lebih khusus iaitu kepada harta rampasan perang (tanpa berlaku peperangan)."

Perkataan (الغل) pula mempunyai definisi yang tersendiri dari sudut *lughah*. Dalam *Mu'jam Al-Wasīṭ* (2004), definisi perkataan tersebut adalah:

"(الغل) طوق من حديد أو جلد يجعل في عنق الأسير أو المجرم أو في أيدهما"

Maksudnya: "(الغل) merupakan gelung daripada besi atau kulit yang digantung di leher tawanan atau penjenayah, atau diikat di tangannya".

Al-Jawhari (2009) pula menyatakan contoh bagi (الغل) dengan perkataannya:

"الغل بالضم واحد الأغلال، يقال: في رقبته غل من حديد"

Maksudnya: "(الغل) dengan baris *dammah* merupakan *mufrad* bagi perkataan (الأغلال).

Misalnya dalam ayat adalah pada lehernya terdapat gelung daripada besi"

Kesimpulannya, Imam Ibn Khālawayh memberikan makna dari sudut bahasa kepada perkataan (الغل) mengikut variasi qiraat dalam perkataan tersebut. Namun, seperti yang dilampirkan, beliau mempunyai perbezaan sedikit dari sudut makna yang diberikan oleh para sarjana *lughah* yang lain. Hasilnya, beliau telah berusaha untuk menukikan dan menerangkan variasi qiraat dari sudut *lughah* dalam kitabnya *Al-Hujjah* walaupun mungkin berkemungkinan berbeza pendapat sedikit atau banyak dengan para sarjana *lughah* yang lain.

d) Tawjīh Al-Qirā'āt Dari Sudut *Balāghah*

Imam Ibn Khālawayh dalam kitabnya *Al-Hujjah* turut mengaplikasikan Tawjīh Al-Qirā'āt Dari Sudut *Balāghah*. Aplikasi *tawjīh* dari sudut ini dapat dilihat daripada hujah beliau terhadap firman Allah SWT dalam surah Al-Muddaththir: 56:

((وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ هُوَ أَهْلُ التَّقْوَىٰ وَأَهْلُ الْمَعْرِفَةِ))

Terdapat khilaf bacaan antara para qurra' dalam perkataan ((وَمَا يَذْكُرُونَ)). Para qurra' selain Imam Nafi' membaca perkataan dengan *yā' ghaibah* pada ayat ((وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ)). Imam Nafi' membaca dengan *tā' khiṭāb* pada perkataan ((وَمَا تَذْكُرُونَ)) (Lāshīn & Khālid, 2003).

Imam Ibn Khālawayh (1979) telah berhujah terhadap variasi qiraat ini dengan katanya:

"((وَمَا يَذْكُرُونَ)) يقرأ بالياء إجماعاً إلا ما تفرد به نافع من التاء على الخطاب. فأما تخفيفه فإجماع"

Maksudnya: “((وَمَا يَذْكُرُونَ)) dibaca dengan *yā'* secara kesepakatan para qurra' kecuali Imam Nafi' yang membacanya dengan huruf *tā'* dengan makna *khiṭāb*. *Ijmā'* para qurra' membaca perkataan ini secara *takhfīf*.”

Zahir daripada kalam beliau mengisyaratkan kepada perpindahan *uslūb ghaibah* kepada *khiṭāb*. Perkara seperti ini dinamakan di sisi pakar dalam disiplin ilmu balaghah dengan *Uslūb Iltifāt*. Mereka mendefinisikan bahawa ianya merupakan perpindahan daripada *uslūb* (gaya bahasa) kepada *uslūb* yang lain, dengan faedah makna tertentu dan perbahasan *balāghah* tertentu (Al-Suyūṭi, 1939)

e) *Tawjīh Al-Qirā'āt* Dari Sudut *Rasm*

Imam Ibn Khālawayh turut mengaplikasikan *tawjīh al-qirā'āt* dari sudut *rasm*. Beliau telah berhujah dengan *rasm* dalam banyak khilaf variasi qiraat. Antaranya adalah hujah beliau dalam firman Allah SWT ((وَمَا كُنَّا)) (Al-A'raf: 43). Khilafnya berlaku dalam perkataan ((وَمَا)). Menurut Lāshīn & Khālid (2003), Imam Ibn 'Amir membacanya tanpa huruf *wāw*. Majoriti para qurra' selain Imam Ibn 'Amir meng*ithbān*kan huruf *wāw*. Al-Dabba' (t.t.) pula telah mengisyaratkan tentang perbahasan *rasm* perkataan ini dengan katanya:

"وما كنا في الأعراف كتب في الشامي بدون واو وفي غيره بالواو وبهما قرئ"

Maksudnya: “((وما كنا)) dalam surah Al-A'raf ianya ditulis dalam mushaf Sham tanpa huruf *wāw*. Manakala pada mushaf lain ianya ditulis dengan huruf *wāw*. Dan dengan kedua tulisan tersebut bacaan tersebut dibaca (mengikut mushaf).”

Imam Ibn Khālawayh (1979) telah berhujah dengan *rasm* pada variasi qiraat dalam perkataan ini. Beliau telah berhujah dengan katanya:

"وكذلك هي في مصاحف أهل الشام بغير واو"

Maksudnya: “Begitulah ianya ditulis dalam mushaf-mushaf ahli Sham tanpa huruf *wāw*.”

Sekiranya diperhatikan pada hujah di atas, maka kita dapat mengetahui bahawa beliau telah mengaplikasikan *tawjīh al-qirā'āt* dari sudut *rasm*. Beliau telah menisbahkan bacaan qiraat tersebut kepada mushaf ahli Sham yang dibaca tanpa huruf *wāw*.



6.0 KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Tawjīh Al-Qirā'āt merupakan disiplin ilmu yang tersendiri berbeza dengan disiplin ilmu yang lain. Ia merupakan cabang daripada disiplin ilmu qiraat dari sudut *Al-Dirāyah*. Pengkaji mendapati bahawa ilmu ini mengaplikasikan beberapa elemen ilmu daripada disiplin ilmu yang lain seperti Nahu / Sintaksis (*al-Nahwiyyah*), Sorf / Morfologi (*al-Sarfīyyah*), suara / Fonologi (*al-Sawtiyyah*) dan makna (*al-Dalāliyyah*).

Imam Ibn Khālawayh pula merupakan seorang sarjana yang terbilang dalam ilmu Tawjīh Al-Qirā'āt ini. Beliau telah menguasai ilmu *lughah* dan qiraat dengan sangat baik. Hal ini kerana beliau telah berguru dengan guru-guru yang terbilang dalam ilmu tersebut seterusnya melahirkan ulama-ulama besar sebagai pewarisnya. Kitab karangannya *al-Hujjah fī al-Qirā'āt al-Sab'* merupakan satu daripada kitabnya dalam disiplin ilmu Tawjīh Al-Qirā'āt yang masih menjadi rujukan sehingga ke hari ini.

Beliau mempunyai metode yang tersendiri dalam menyusun kitabnya. Menurut hemat pengkaji, antara metode yang diaplikasikan oleh beliau adalah memilih qiraat masyhur sahaja, menyebut qiraat tanpa menisbahkan kepada qari tertentu, hujah yang ringkas dan pendek, meninggalkan pengulangan hujah yang sama, tidak mendatangkan pentafsiran bagi perkataan-perkataan dalam Al-Quran kecuali sedikit sahaja untuk menjelaskan makna sebahagian perkataan tersebut dan penyusunan mengikut susunan surah dalam Al-Quran. Metode ini merupakan antara metode terpenting dalam kitab ini.

Dapatan kajian seterusnya menganalisa aplikasi Tawjīh Al-Qirā'āt dalam kitab tersebut. Pengkaji mendapati bahawa hujah-hujah yang dibawakan oleh Imam Ibn Khālawayh tertumpu kepada lima aspek utama iaitu aplikasi Tawjīh Al-Qirā'āt dari sudut *Nahw*, *Sorof*, *Balaghah*, *Lughah* dan *Rasm*. Analisis ini tidak mengambil kira dalil-dalil yang digunakan oleh beliau sebagai penguat daripada hujah beliau.

Kitab *Al-Hujjah* ini masih sesuai dipelajari dan dijadikan rujukan sehingga masa kini. Kitab beliau masih lagi relevan meskipun telah berusia lebih 1000 tahun. Hal ini berdasarkan dapatan pengkaji terhadap pandangan dua pengkaji kontemporari yang menyatakan sedemikian.

RUJUKAN

- Al-'Āmili, Al-Sayyid Muhammad Al-Amīn. 1983. *A'yān Al-Shī'ah*. Beirut, Lubnan: Dar Al- Ta'āruf li Al-Matbū'āt. Cet. 1 Jil. 5.
- Al-'Asqalāni, Al-Ḥafīz Ahmad bin 'Ali bin Ḥajar. 2002. *Lisān Al-Mīzān*. 'Abd Al-Fattah Abu Ghudah. Beirut, Lubnan; Dār Al-Bashā'ir Al-Islāmiyyah. Cet. 1. Jil. 3.
- Al-Bāḥithah. 2019. *Ibn Khālawayh wa Manhajuhu fi 'Ardi al-Māddah al-Nahwiyyah*. Majallah Kuliyyah al-'Ulūm Al-Islāmiyyah. Bil. 57.
- Al-Dabbā', Sheikh Muḥammad 'Ali. t.t. *Samīr Al-Ṭālibin fi Rasm wa Dabṭ Al-Kitāb Al-Mubīn*. Mesir, Multazim Abdul Hamid Hanafi.
- Al-Dhahabi, Shamsuddīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān. 1996. *Siyar A'lām Al-Nubalā'*. Beirut: Mussasah Al-Risalah. Jil 11, Cet. 11.
- Al-Fairuzabadi, Majduddin Muhammad bin Ya'qub. 2008. *Al-Qāmūs Al-Muḥīṭ*. Kaherah, Mesir; Dar Al-Hadith.
- Al-Fadli, 'Abd al-Hādī. 2009. *Al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah Tārīkh wa Ta'rif*. Lubnan; Markaz al-Farīd. Cet. 1.
- Al-Ḥarbi, 'Abd Al-Aziz bin 'Ali. 1417H/2017M. *Tawjīh Mushkil Al-Qirā'āt Al-'Ashriyyah Al-Farshīyyah Lughatan wa Tafsīran wa I'rāban*. Disertasi Sarjana. Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Dakwah dan Usuluddin, Universiti Umm Al-Qura.
- Al-Idkāwi, Ibrahim Muhammad Ahmad, Dr. 1988. *Baḥṭhun fī Juhūd Ibn Khālawayh al-Nahwiyyah*. Mesir; Bibliotheca Alexandria. Cet. 1.
- Al-Jawhari, Abū Naṣr Ismā'īl bin Hammad. 2009. *Al-Ṣiḥāḥ Tāj Al-Lughah wa Ṣiḥāḥ Al-'Arabiyyah*. Muhammad Muhammad Tāmir. Kaherah, Mesir: Dar Al-Hadith

- Al-Mas'ul, 'Abd 'Al-'Ali, Dr. 2008. *Al-Īdāh fī 'Ilm Al-Qirā'āt*. Irbid, Jordan: Kulliyah Al-Adab, Universiti Sayyidi Muhammad bin Abdullah. Cet. 1.
- Al-Qimāsh, Abd Al-Rahmān bin Muhammad. 2009. *Al-Hāwi fī Tafsīr Al-Qur'ān Al-Karīm*. Lubnan, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Islamiyyah.
- Al-Qifti, Al-Wazīr Jamāluddīn Abu Al-Ḥasan 'Ali bin Yūsuf. 1986. *Inbāh Al-Ruwah 'ala Anbāh Al-Nuḥāh*. Muhammad Abū Al-Fadl Ibrāhīm. Kaherah, Mesir: Dār Al-Fikr Al-'Arabi. Jil 3.
- Al-Rūmi, Yāqūt Al-Ḥamawi. 1993. *Mu'jam Al-Udabā' Irshād Al-Arib ila Ma'rifah Al-Adīb*. Ihsan 'Abbas, Dr. Beirut, Lubnan; Dar Al-Gharb Al-Islāmi. Cet. 1. Jil 5.
- Al-Suyūti, Jalāluddin 'Abd Al-Raḥman. 1939. *Sharḥ 'Uqūd Al-Jummān fī 'Ilm Al-Ma'āni wa Al-Bayān*. Beirut, Lubnan: Dar Al-Fikr
- Al-Suyūti, Jalāluddin 'Abd Al-Raḥman. 1965. *Bughyah Al-Wu'ah fī Tabaqāt Al-Lughawiyīn wa Al-Nuḥāt*. Abu Al-Fadl Ibrahim. Aleppo, Syria; Maṭba'ah 'Isa Al-Babi Al-Halabi. Cet. 1. Jil. 1.
- Al-Suyūti, Jalāluddin 'Abd Al-Raḥman. 2017. *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir; Al-Dār Al-'Ālimiyyah li al-Nashr wa al-Tajlīd.
- Al-Zarkashi, Badr Al-Din Muhammad bin Abdullah. 2006. *Al-Burhan fī 'Ulum Al-Qur'ān*. Abū Al-Fadl Al-Dimyāṭi (Ed). Mesir; Dār Al-Ḥadīth
- Al-Zuhayli, Wahbah Zuhayli. 2003. *Al-Tafsīr Al-Munīr fī Al-'Aqidah wa Al-Sharī'ah wa Al-Manhaj*. Damsyik: Dar Al-Fikri.
- 'Attasi, Rabih, Prof.. 2017. *Al-Muqtaḍab fī Bayān Manhaj Ibn Khālawayh fī Tawjīh al-Qirā'āt min Khilāl Kitābih; al-Ḥujjah fī al-Qirā'āt al-Sab'*. Kuliyyah al-'Ulum al-Islamiyyah al-Kharubah, Jami'ah al-Jazair. Jil.4, No.2, ms 19-31.
- Amānī binti Muḥammad 'Āshūr, Dr. 2011. *Al-Uṣūl al-Nayyirāt fī al-Qirā'āt*. Madār al-Waṭan li al-Nashr.
- Ḥasan Sālim Habsyan. 2015. *'Ilm Tawjīh al-Qirā'āt wa Ṣilatuhu bi Al-'Ulūm Al-Shar'iyyah wa Al-'Arabiyyah*. Majallah Jami'ah Al-Shariqah. Emirate Arab Bersatu; Kuliyyah al-Shar'iyyah wa al-Dirasat al-Islamiyyah, Universiti al-Shariqah.
- Ibn Al-Anbari, E. 1985. *Nuzhah Al-Alibba' fī Tabaqat Al-Udaba'*. Ibrahim Al-Samiri, Dr. (Ed.). Jordan; Maktabah Al-Manar.
- Ibn Al-Jazari, Imam Syamsuddīn Abu Al-Khair Muhammad bin Muhammad, E. 2006. *Ghayat Al-Nihāyah fī Tabaqāt Al-Qurrā'*. G. Bergstraesser (Ed.). Beirut; Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibn Al-Jazari. 2007. *Munjid al-Muqri'īm wa Murshid al-Tālibīm*. Damsyik- Beirut; Dār al-Kalām al-Tayyib.
- Al-Ansari, Jamaluddin bin Hisham. 1964. *Mughni Al-Labib 'An Kutub Al-A'arib*. Al-Mubarak, Mazin, Dr. & Muhammad bin 'Ali Hamdullah. Damsyik, Syria; Dar Al-Fikr. Cet. 1. Jil. 1.
- Ibn Khalawayh, E. 1979. *Al-Ḥujjah fī Al-Qirā'āt Al-Sab'*. Dr. 'Abd Al-'Al Salim Mukrim (Ed.). Beirut, Lubnan; Dar Al-Shuruq.
- Ikmal Zaidi bin Hashim. 2015. *Keperluan Aplikasi al-Dirayah dalam Pengajian Ilmu Qiraat di Malaysia*. Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS. Bil 8, Isu 3. Hlmn 83.
- Marjan, Muhammad Ahmad. 2000. *Miftāh Al-I'rāb*. Kaherah, Mesir: Maktabah Al-Ādāb.
- Muhammad Ihya' 'Ulumuddin .2004. *Jalā' Al-Afhām bi Sharḥ 'Aqīdah Al-Awwām*. Riyadh: Matba'ah Safir. Cet. 2
- Nuruddin 'Itr, Dr. 1993. *'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm*. Damsyik, Syria; Matba'ah al-Ṣabāḥ. Cet 1.
- Sayyid Lāshin Abu Al-Faraj & Khalid bin Muḥammad Al-Ḥāfiz. 2003. *Taqrīb Al-Ma'āni fī Sharḥ Hirz Al-Amānī fī Al-Qirā'āt Al-Sab'*. Madinah, Arab Saudi; Maktabah Dar Al-Zaman li Al-Nashr wa Al-Tawzi'. Cet. 5.